

MU’JAM MUSTHALAHAT COVID-19 - DICTIONARY OF COVID-19 TERM. Oleh Arab League Educational, Cultural and Scientific Organisation (ALECSO) Bureau of Coordination of Arabization – Rabat 2020. Halaman 84.

Karya ini merupakan salah usaha pengumpulan istilah-istilah Inggeris, Perancis dan Arab berkaitan Covid-19 oleh Arab League Educational, Cultural and Scientific Organization (ALECSO). ALECSO atau Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Liga Arab adalah sebuah institusi di bawah naungan Liga Arab yang berpangkalan di Tunisia, yang ditubuhkan mengikut artikel 3 Piagam Perpaduan Kebudayaan Arab dengan pengumuman yang dibuat di Kaherah Mesir pada 25 Julai 1970. ALECSO merupakan pertubuhan yang berperanan menyelaraskan aktiviti kebudayaan, pendidikan dan saintifik di rantau Arab.

Seperti yang termaktub dalam salah satu artikel dalam perlembagaannya, ALECSO ditubuhkan dengan tujuan mempromosikan perpaduan intelektual Arab melalui pendidikan, kebudayaan dan sains, meningkatkan tahap pendidikan, budaya dan saintifik di dunia Arab supaya ia dapat menyumbang secara positif ke arah perkembangan tamadun sejagat. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, ALECSO berperanan besar dalam memperkasa kualiti sumber manusia, menentukan kriteria kualiti pembangunan pendidikan, sains, alam sekitar dan komunikasi, mempromosi penggunaan bahasa dan kebudayaan Arab serta mewujudkan platform dialog dan komunikasi dengan negara-negara Arab dan dunia (www.alecso.org).

Keanggotaan ALECSO terdiri daripada 22 buah negara Arab yang bernaung di bawah panji Liga Negara-negara Arab. Liga Negara-negara Arab atau juga dikenali sebagai Arab League (جامعة الدول العربية) merupakan sebuah organisasi negara-negara Arab bersifat serantau yang ditubuhkan dengan tujuan mengukuhkan kerjasama ekonomi, sosial, komunikasi, pasport, visa dan kesihatan (www.alecso.org).

ALECSO mempunyai beberapa pusat dan institut yang mengurus dan menganjur aktiviti pertubuhan antaranya Pusat Arab untuk Penggabungan, Penterjemahan, Penulisan dan penterjemahan, Pusat Penyelarasan Arabisasi, Institut Manuskrip Arab, Institut Penyelidikan dan Pengajian Arab dan Institut Antarabangsa untuk Bahasa Arab.

Peranan besar yang dimainkan oleh ALECSO dapat dilihat dengan jelas menerusi penghasilan *Mu’jam Mustalahat Covid-19 (Dictionary of Covid-19 Term)*. Karya ini dihasilkan seiring dengan keperluan berhadapan situasi-situasi genting yang dilalui ketika masyarakat dunia mengharungi detik cemas penularan wabak seluruh dunia. Penularan ini mengganggu sistem kehidupan manusia dengan pergerakan harian dihadkan dan larangan keluar rumah dikuatkuasakan. Suasana dan kehidupan manusia berubah sekaligus mewujudkan budaya dan norma baharu serta mendedahkan mereka kepada situasi dan amalan yang tidak pernah dilalui sebelum ini. Norma dan budaya baharu ini turut melahirkan beberapa istilah yang tidak pernah digunakan sebelumnya. Justeru, proses peristilahan yang berlaku serta perkataan-perkataan yang lahir perlu diterjemahkan mengikut suasana dan keperluan ketika itu.

Masyarakat dunia digemparkan dengan penularan wabak baharu pada penghujung 2019 bermula di Wuhan, China. Wabak yang menyerang sistem pernafasan manusia ini berbeza daripada influenza, avian Flu, *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV) atau *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS). Wabak ini kemudiannya dikenali sebagai *Novel Coronavirus* (2019-nCoV) atau Covid-19 kependekkan bagi *Coronavirus Disease* 2019 dan diisytihar oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pandemik pada 12 Mac

2020. Pandemik diisytihar kerana penyakit ini menyerang dalam skala yang besar dan tidak terhad kepada suatu komuniti atau daerah, malah menular dengan pantas ke seluruh pelusuk dunia (Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin & Anis Shahira, 2020).

Pandemik yang melanda dunia ketika itu bukan sahaja memberi kesan kepada sistem kehidupan manusia, malah turut memberi kesan kepada sistem-sistem kehidupan lain seperti kesihatan, ekonomi dan beberapa sektor lain termasuk bahasa. Dari perspektif linguistik, pandemik ini telah memberi kesan drastik yang tidak pernah berlaku sebelumnya, khususnya dari sudut peristilahan dan percambahan perbendaharaan kata baharu (Junaini et. al, 2020).

Ekoran dari suasana pandemik ketika itu dan kesan langsung pandemik ke atas bahasa, maka sekumpulan penyelidik dari Bahagian Perkamusan, Pusat Penyelarasan Arabisasi yang bernaung di bawah pertubuhan ALECSO, merintis inisiatif mengumpul dan membentuk peristilahan berkaitan Covid-19 menerusi padanan dan penterjemahan daripada istilah Inggeris dan Perancis. Kumpulan ini terdiri dari pakar-pakar bahasa Arab dan ahli linguistik iaitu Iman Kamel al-Nasr, Idris Qasimiy, Leena Idrisi Malouly, Maria al-Shuweyyakh dan Abdel Hameed al-Asyqariy al-Bakdouriy. Pasukan ini bergerak di bawah seliaan Pengarah Pertubuhan, Abdel Fattah al-al-Hajmariy.

Peristilahan yang dilakukan oleh pasukan ini adalah berpandukan metodologi pembangunan kamus bersepadu. Pembentukan istilah Arab baharu dibuat dengan teliti menerusi metod perbandingan berdasarkan padanan istilah bahasa Inggeris dan Perancis yang menjadi asas serta pertimbangan. Peristilahan berdasarkan padanan ini juga turut diperkukuh dengan penerangan makna secara rinci.

Dalam usaha membangunkan istilah-istilah baharu ini, Bahagian Perkamusan, Pusat Penyelarasan Arabisasi bergantung kepada beberapa sumber penting. Antara sumber utama yang menjadi rujukan peristilahan adalah laman sesawang *United Nation* (UN), laman sesawang *World Health Organisation* (WHO), laman sesawang *Centers for Disease Control and Prevention* (CDC), laman sesawang *Contrepoints* dan beberapa laman rasmi agensi dan organisasi berautoriti yang lain.

Istilah merujuk perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan, manakala peristilahan pula merujuk proses pembentukan istilah dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat). Pandemik yang melanda dunia ini membentuk banyak istilah baharu yang kebanyakannya bermula daripada bahasa Inggeris dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain (Md Rasul Haron, 2021) termasuk bahasa Arab. Penciptaan istilah pelbagai bidang menjadi satu keperluan sebagai mekanisme pengayaan bahasa dan pengembangannya (Junaini et. al, 2020).

Peristilahan dan perkamusan merupakan dua istilah yang berbeza. Badan peristilahan antarabangsa *Infoterm* menjelaskan bahawa peristilahan merujuk kajian tentang konsep dan sistem konsep, manakala perkamusan adalah pengkajian tentang kata dan makna. *“Terminology differs from lexicography, as it involves the study of concepts, conceptual systems and their labels (term), whereas lexicography studies words and their meanings”* (<http://www.infoterm.info>).

Proses peristilahan dalam konteks ini, sudah tentu bermula daripada membentuk istilah wabak Covid-19 itu sendiri. Proses peristilahan wabak Covid-19, dibicarakan secara ringkas dalam pengenalan berbahasa Arab bagi karya yang dikaji ini. Dalam pengenalan karya tersebut disentuh tentang perkataan *coronavirus* / *corona* yang berasal dari perkataan Latin bermaksud

mahkota, mahkota kecil atau mahkota berbunga. Penamaan ini dibuat berasaskan bentuk virus tersebut yang kelihatan seperti mahkota sebagaimana dapat dilihat menerusi teleskop. Dalam Bahasa Arab, istilah فيروس تاجي atau *coronavirus* menjadi dominan dalam penggunaan berbanding istilah-istilah yang lain.

Kamus ini turut menyingkap sejarah kelahiran virus Covid-19 secara umum. Kenyataan ini memberi isyarat bahawa ia bukan istilah baharu yang lahir pada abad ke-21, sebaliknya pernah wujud pada tahun 1960-an. Antara virus korona yang terawal dikenal pasti adalah virus bronchitis berjangkit pada ayam, virus korona E229, virus OC 43, virus korona Sars, virus korona NL63, virus korona HKU1, virus korona MERS dan virus korona terkini nCOV2019. Persamaan yang wujud antara variasi virus-virus ini adalah pembawaan haiwan dan kemudiannya menjangkiti manusia menyebabkan sesak nafas, demam, selsema dan seterusnya membawa kepada kegagalan fungsi buah pinggang dan berkemungkinan menyebabkan kematian.

Berdasarkan penularan wabak ini yang drastik, maka Bahagian Penyelarasan Arabisasi yang berpusat di Rabat ini memainkan peranannya dalam memastikan istilah yang digunakan dalam bahasa Arab selari dengan padanannya dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis khususnya yang berkaitan dengan bidang kesihatan. Selain dari itu, Bahagian Perkamusan turut memainkan peranannya dalam menyaring istilah-istilah saintifik yang terdapat dalam artikel dan jurnal ilmiah berkaitan kesihatan sekaligus menyokong usaha yang dimainkan Bahagian Penyelarasan Arabisasi dalam pembentukan istilah-istilah baharu berkaitan Covid-19.

Usaha penyenaian istilah yang dilakukan oleh ALECSO melalui Pusat Penyelarasan Arabisasi ini adalah manifestasi keanjalan bahasa Arab dalam mendepani norma baharu kesan penularan wabak dan pandemik. Usaha saintifik yang dilakukan ini adalah seiring dengan perkembangan ilmu dan penularan wabak. Penularan wabak ini telah mempercepatkan evolusi perkataan berlaku menerusi penerbitan naskhah elektronik kamus istilah Covid-19 ini. Ini kerana penularan wabak dilaporkan oleh kajian-kajian saintifik bukan sahaja sebagai wabak yang cepat merebak, malah ia juga telah mempengaruhi perkembangan segenap aspek kehidupan manusia termasuk kesihatan, ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan dan sebagainya. Dalam konteks ini bahasa menjadi fokus perbincangan.

Mengambil kira situasi yang tidak pernah berlaku ini, ALECSO telah mengorak langkah ke hadapan membangun platform terbuka bagi kajian saintifiknya dalam usaha mempelbagai usaha pembangunan kandungan pendidikan bahasa Arab khususnya di negara timur tengah. Usaha ini juga merupakan inisiatif menghubungkan dan mengintergrasi platform pendidikan digital yang akan dimanfaatkan oleh golongan pengajar dan pendidik dalam menyampaikan perkhidmatan mereka semasa dan pasca pandemik. Malah, ALECSO juga merintis inisiatif menghasilkan buku berjudul “*Irsyadat Haul al-Ta'allum al-Nashit fi al-Manzil athna' Idthirhab al-Ta'lim: Ta'ziz Maharat al-Tanzhim al-Zati li Al-Thalib athna' Tafasyysi Firus Covid-19*”.

Kamus ini mengandungi sejumlah kata dan istilah kesihatan serta perubatan berkait Covid-19. Susun atur perkataan dan istilah dalam kamus ini adalah berdasarkan abjad bahasa Inggeris bermula huruf A hingga Z. Entri kata adalah perkataan bahasa Inggeris disusuli dengan padanannya dalam bahasa Perancis kemudian bahasa Arab berserta penerangan istilah dalam bahasa Arab.

Istilah dalam kamus ini disusun mengikut huruf abjad bermula A hingga Z. Secara rincinya, huruf A mengandungi 9 perkataan, B (6), C (16), D (8), E (10), F (7), G (7), H (16), I (9), J (2), K (0), L (5), M (11), N (6), O (5), P (17), Q (6), R (7), S (18), T (4), U (5), V (8), W (2), X (2), Y (0) dan Z (2). Jumlah semua istilah yang terdapat dalam kamus ini adalah 188 perkataan.

Metodologi penyusunan istilah dalam kamus ini dibuat berasaskan prinsip padanan dan terjemahan. Istilah dalam bahasa Inggeris disusun mengikut abjad kemudian terjemahan dalam bahasa Perancis dipersembahkan di bawahnya dan bahasa Arab di sebelah kanannya. Istilah bahasa Inggeris dan Perancis sebahagiannya didatangkan dengan akronim.

Memandangkan sasaran kamus ini adalah penutur, pelajar dan pengguna bahasa Arab, maka tumpuan juga diberikan kepada aspek penerangan bagi istilah-istilah disenaraikan dengan lebih terperinci dalam bahasa Arab. Setiap istilah bukan sahaja diterjemahkan padanannya, malah dijelaskan dalam bentuk penerangan secara mendalam.

Pendekatan ini didapati sangat membantu pengguna untuk memahami istilah dengan lebih tepat. Fenomena keanekaragaman dalam pembentukan istilah seharusnya diberikan perhatian bagi memastikan istilah yang lahir dapat difahami, diguna dan diamalkan oleh pengguna dengan sempurna (Junaini et. al, 2020)

Kamus ini membekalkan indeks di bahagian akhir halaman. Indeks yang dibekalkan dalam kamus ini datang dalam dua bahasa iaitu indeks bahasa Perancis dan indeks bahasa Arab. Kedua-dua indeks ini disusun mengikut abjad dalam bahasa masing-masing.

Perbincangan ini memberikan tumpuan kepada indeks bahasa Arab. Indeks bahasa Arab disusun mengikut abjad bermula dari huruf hamzah, alif, ba', ta' dan seterusnya sehingga huruf wau tanpa huruf ya' kerana tiada istilah dari huruf tersebut. Setiap kata atau istilah dalam indeks ini diberikan nombor sebagai rujukan. Nombor yang tertera merupakan nombor bagi entri perkataan yang terdapat dalam kamus yang digunakan sebagai mekanisme untuk mencari istilah dan rujukan.

Secara umumnya, metodologi yang digunakan oleh kumpulan penulis dalam karya ini sangat jelas dan bersasar. Pemilihan perkataan yang dilakukan mempunyai tahap relevansi yang tinggi selari dengan situasi dan penggunaan semasa. Proses padanan istilah dengan bahasa Inggeris dan Perancis menjadi kekuatan bagi peristilahan Arab yang berlaku sebagai proses semak dan imbang yang memberikan ketepatan dalam penggunaan istilah-istiah tersebut.

Proses peminjaman tidak berlaku secara khusus dalam bahasa Arab kerana faktor huruf dan fonetik yang berbeza. Hanya terdapat beberapa perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris secara terus seperti istilah Covid-19 sendiri 19-كوفيد, قناع, فيروس كورونا, كلورين, لقاح بي سي جس, كوفيد-19 dan FFP2 dan هيدروكلوروكوين. Peminjaman merupakan proses semulajadi bahasa dan berlaku dengan penyesuaian ejaan dengan bahasa sasaran (Junaini et. al., 2020).

Kekuatan karya ini dapat dilihat dari sudut autoriti dan penerbitan. ALECSO yang menerbitkan karya ini merupakan entiti yang berautoriti dalam bidangnya. Karya yang dihasilkan memiliki nilai keabsahan yang tinggi. Pasukan editornya juga terdiri daripada pakar-pakar bahasa dan linguistik yang berpengalaman. Pembentukan istilah baru memerlukan kepakaran yang tinggi selain melalui proses yang rinci bermula pengumpulan, penggubalan pengesahan, pentakrifan dan penyelarasan (Nur Ayu Zahira & Junaini, 2021).

Satu lagi kekuatan yang ada pada karya ini adalah metodologi perbandingan tiga bahasa yang digunakan dalam penyelarasan istilah baharu. Proses pembentukan istilah yang didasari istilah

Inggeris turut disemak silang dengan istilah bahasa Perancis menambah ketepatan penggunaan istilah. Metodologi padanan istilah dan semakan silang yang dilakukan ini adalah kelebihan kamus istilah ini.

Karya ini sangat sesuai untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan bagi pelajar, guru, pensyarah, penyelidik dan penuntut bahasa Arab khususnya di peringkat pra universiti dan universiti. Walau pun jumlah istilah yang terdapat dalam karya ini hanya 188 perkataan, namun ia sangat membantu dalam memperkaya kosa kata dan perbendaharaan kata pengguna. Penerangan yang dibekalkan juga sangat membantu pengguna memahami istilah dengan lebih mendalam sekaligus memberikan dimensi lebih luas dalam penguasaan kata dan bahasa secara keseluruhannya.

RUJUKAN

Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin & Anis Shahira Shamsuri, (2020), Covid-19 dalam Korpus Peristilahan Bahasa Melayu: Analisis Sosioterminologi, GEMA Online, Journal of Language Studies, Vol 20(3), August 2020 <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-13>.

Kamus Dewan. 2005. Edisi Keempat, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Ayu Zahira Mazlan & Junaini Kasdan, (2021), Pembentukan Istilah Covid-19 di media sosial: Analisis Sosioterminologi, Jurnal Wacana Sarjana, Vol 5 (5) November 2021: 1-15; e-ISSN 2600-9501

Md Rasul Haron berita harian May 18, 2021 @ 9:57am
<https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/pendidikan/2021/05/817927/istilah-baharu-sesuai-keadaan-semasa> Dipetik pada 10/03/2023

Overview of ALECSO". ALECSO. Arab League Educational, Cultural and Scientific Organization. 2015-04-01. Dicapai pada 10/03/2023

www.alecso.org/nsite/ar/affichechat

www.centrepoinst.org/2020/04/03/368093/petit-lexique-impertinent-du-coronavirus-franchouillard

www.medarabic.com

www.infoterm.org

www.un.org/fr/coronavirus/reference-document-administrators-and-managers

www.who.int/fr/emergencies/disease/novel-coronavirus-2019

Abdul Razif Zaini

Universiti Islam Selangor (UIS)

Selangor, Malaysia

Yoyo Ardi Tohir

Universiti Ahmad Dahlan (UAD)

Yogyakarta, Indonesia